

UTHM terima 2,276 pelajar baharu



Sebahagian pelajar baharu UTHM ketika proses pendaftaran di universiti berkenaan di Parit Raja, Batu Pahat.

29/12/2014 et es

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima 2,276 pelajar baharu yang bakal mengikuti pelbagai program Ijazah Sarjana Muda sesi 2014/2015.

Pendaftaran yang berlangsung kelmarin turut melibatkan pelajar dari negara luar, terutama dari Timur Tengah selain pelajar tempatan.

Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, daripada jumlah itu, 1,010 terdiri daripada pelajar lelaki manakala 1,266 merupakan pelajar perempuan.

Katanya, untuk semester ini, sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, UTHM turut menerima pelajar luar negara seperti dari Yemen, Somalia, Palestin dan Bangladesh.

“Kesemua pelajar yang mendaftarkan diri ini akan mengikuti pelbagai kursus ditawarkan oleh lapan fakulti di kampus induk UTHM yang

terletak di Parit Raja, Batu Pahat.

“Fakulti berkenaan ialah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) dan Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan,

“Selain itu, Fakulti Pendidikan Teknikal, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan,” katanya

Menurut Mohd Noh, walaupun proses pendaftaran kelmarin, pendaftaran melalui proses rayuan akan dilakukan dan dijangka jumlah pelajar terus meningkat sehingga proses rayuan berakhir.